



# PENGHARGAAN HEPA KE-13

2006 Anugerah Olahraga  
Anugerah Kecemerlangan

SIMBOLIK...Kamaruzaman menembak sebagai simbolik kepada perasmian majlis itu sambil disaksikan oleh Timbalan Naib Canselor UMS, Prof. Madya Dr Kasim Hj Mansur. UB 20/4/2011 A7

## Kerja lebih pantas lahir graduan berkualiti

Oleh YAP SIONG HAN

sionghan\_yap@yahoo.com

**KOTA KINABALU:** Dengan usaha kerajaan untuk melahirkan modal insan dan graduan yang berdaya saing, Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus komited untuk meningkatkan potensi dan kebolehpasaran pelajar agar mampu bersaing.

UMS telah merancang dan melaksanakan pelbagai strategi berimpak tinggi ke arah kecemerlangan dan membentuk sahsiah pelajar sebagai pelapis kepada kepimpinan negara di masa

akan datang.

Naib Canselor UMS, Brig Jen Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon berkata demikian ketika merasmikan majlis Malam Penghargaan HEPA ke-13 malam Isnin lalu.

Katanya, mereka perlu bekerja lebih pantas dan lebih baik. Para mahasiswa harus merebut peluang kerana peluang agar mampu membantu mereka dalam menempuh cabaran apabila bergelar graduan nanti.

“Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada pelajar Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi

Maklumat (SKTM) yang mendapat tempat ketiga dalam mencipta poster pertandingan dan tempat keenam pasukan terbaik keseluruhan dalam pertandingan Taiwan International Chem-E-Car tahun lalu.

“Tahniah juga kepada pelajar dari Sekolah Sains Sosial yang dianugerahkan pendebat harapan terbaik dalam pertandingan Debat DiRaja yang berlangsung pada hujung tahun lalu,” katanya.

Kamaruzaman berharap pelajar UMS yang hadir pada malam itu meneruskan kecemerlangan mereka dengan memperkenalkan pelbagai kejayaan di masa akan datang.